



## Mengurus ruang jenayah: Suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia

Nor-Ina Kanyo<sup>1</sup>, Norizan Hj. Md.Nor<sup>2</sup>, Ruslan Rainis<sup>2</sup>, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman<sup>3</sup>, Norita Jubit<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP), Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 11800 Pulau Pinang, <sup>3</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Correspondence: Nor-Ina Kanyo (email: norina03@gmail.com, norina@ums.edu.my)

### Abstrak

Pelakuan jenayah merupakan antara fenomena permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar di dunia. Permasalahan ini menunjukkan peningkatan dan menimbulkan reaksi kebimbangan pelbagai peringkat lapisan masyarakat sama ada di pihak pemerintah mahupun masyarakat awam. Pelbagai pendekatan dan usaha terus dijalankan dalam menanganinya, namun kadar jenayah negara masih kurang berkesan ditangani pada keseluruhannya. Artikel ini mengupas, meneliti dan mengetengahkan beberapa dasar yang telah dilakukan kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kadar pelakuan jenayah di negara ini. Penelitian dasar difokuskan kepada penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF) pada 1993 dan terbentuknya Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang berprinsipkan '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' dan menjadi landasan pembentukan *National Key Result Area* (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara. Hasil tinjauan menunjukkan dasar pengurangan jenayah telah berjaya dalam membendung permasalahan jenayah negara secara keseluruhannya. Dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian pendekatan dalam usaha pengurangan masalah pelakuan jenayah di Malaysia telah meningkatkan imej Malaysia sebagai antara negara yang diiktiraf di peringkat global sebagai paling selamat dan aman.

**Katakunci:** pelakuan jenayah, senario jenayah, keselamatan, penelitian dasar, GTP, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

## Managing the crime space: A review of Malaysian crime reduction policies

### Abstract

Criminal behaviour is a symptom of deep-seated social problems plaguing many cities in the world. That it is rising despite persistent countering efforts generates both concern and fear on the parts of government and the society at large. This paper takes a closer look at the Malaysian government efforts in reducing crime rates in the country by reviewing the state's crime reduction policies from the time of the establishment of the Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) in 1993 until the formation of the Government Transformation Programme (GTP) which with its ruling principle of 'People First, Performance Now' has become a benchmark of the current National Key Result Area (NKRA). The findings revealed that not only the government crime prevention policies have been effective in reducing crime rates in the country but that they have also enhanced the nation's international image as one of the most safe and peaceful places in the world.

**Keywords:** crime scenes, criminal behaviour, GTP, Malaysia Crime Prevention Foundation, policy review, public safety

## Pengenalan

Permasalahan jenayah merupakan antara masalah sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan bandar di dunia termasuk Malaysia. Peningkatannya adalah membimbangkan dan mendapat perhatian semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat di negara ini. Peningkatan pelakuan jenayah bukan petunjuk kepada ketidakberkesanan langkah dijalankan, namun kepelbagaian faktor dalam mempengaruhinya yang meliputi faktor ruangan dan bukan ruangan serta kecanggihan sains dan teknologi menyebabkan permasalahan ini semakin rumit, kompleks dan bersifat global yang semakin sukar dibendung. Menyedari peningkatan permasalahan ini yang seiring dengan kepesatan pembangunan negara, pihak kerajaan telah bertindak proaktif melaksanakan beberapa dasar atau pendekatan dalam membendungnya sejak dari peringkat awal, seterusnya memenuhi hasrat masyarakat yang ingin hidup bebas, aman damai serta sejahtera daripada sebarang permasalahan pelakuan jenayah. Justeru itu, kertas kerja ini mengetengahkan dan menelitikan beberapa dasar atau pendekatan yang dilakukan oleh kepimpinan negara bagi membendung pelakuan jenayah dalam era kepimpinan yang berbeza iaitu kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak. Kepimpinan mereka dalam era yang berbeza, namun mempunyai matlamat sama ke arah meletakkan negara di persada dunia sehingga berjaya meletakkan negara antara yang selamat di dunia kini.

## Senario pelakuan jenayah di Malaysia

Pelakuan jenayah merupakan antara permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar-bandar di dunia sejak lebih daripada 20 tahun (Belinda Yuen, 2004; Shelly, 1981) dan peningkatannya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun demikian, tidak dinafikan perbandaran adalah antara faktor yang banyak mempengaruhi peningkatan permasalahan jenayah di kebanyakan bandar di dunia (Mays, 1968; Walmsley, 1988; Rogers, 1989; Mohd Redzuan, 1990; Knox, 1994; McIlwaine, 1999; Gold, 2002; Pallen, 2002; Pokhariyal dan Muthuri, 2003) dan masalah jenayah semakin kompleks dan sukar dibendung kesan daripada kemajuan dalam sains dan teknologi (Sidhu, 2005:9). Seiring dengan kepesatan perbandaran dan kemajuan, Malaysia juga turut menghadapi permasalahan yang sama. Menurut laporan pihak seperti International *Criminal Police Organization* (Interpol), United Nations, Institute for Economic and Peace (IEP), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar jenayah negara masih rendah berbanding negara lain (Utusan Malaysia, 19 Januari 2001; United Nations, 1999a, b; Berita Harian, 13 Januari 2004; Harian Metro, 9 November 2006; Berita Harian, 12 Februari 2008; New Straits Times, 21 November 2010; IEP, 2011). Diteliti dari segi insiden jenayah bagi setiap 100,000 penduduk bagi negara terpilih secara perbandingan dengan Afrika Selatan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura dan Hong Kong, Malaysia dilaporkan masih pada kadar rendah berbanding dengan negara lain iaitu sebanyak 550.1 insiden bagi Malaysia dan masing-masing sebanyak 4,143.7, 6,498.5, 3,811.7, 606 dan 1,139.0 kejadian jenayah bagi setiap 100,000 orang penduduk di negara-negara tersebut (Laporan Tahunan GTP 2012 :58). Laporan kajian United Nations pada 2005-2007 ke atas 163 negara bagi pencegahan jenayah dan dadah, daripada setiap 1000 orang penduduk, hanya melibatkan 6 orang menjadi mangsa jenayah di Malaysia berbanding 11 orang bagi negara Thailand, dan masing-masing 30 orang dan 146 orang bagi negara Hong Kong dan New Zealand (New Straits Times, 21 November 2010). Situasi ini merupakan kesan daripada pelaksanaan dasar atau pendekatan negara sejak 1980-an lagi. Pasukan polis negara iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dilaporkan merupakan antara pasukan polis terbaik dalam kalangan negara membangun di seluruh dunia

(Berita Harian, 12 Februari 2008). Namun demikian, penelitian ke atas indeks jenayah bagi tempoh 1970-2008, jenayah di Malaysia pada dasarnya menunjukkan trend yang meningkat sejak 1970-an lagi. Bagi tempoh 1970-2009, 80 peratus pelakuan jenayah di negara ini adalah terdiri daripada jenayah harta benda berbanding hanya 20 peratus melibatkan jenayah kekerasan (Nor-Ina, 2006; Nor-Ina dan Norizan, 2007a, b; 2008a, b; 2009). Tahun 2006 dan 2009 memperlihatkan peningkatan masalah pelakuan jenayah yang ketara dan mendadak dengan jenayah jalanan antara penyumbang utama menurut pihak PDRM. Hal ini jelas menunjukkan bahawa jenayah jalanan merupakan antara jenayah yang kritikal dan perlu ditangani kerana menyumbang dan mempengaruhi peningkatan indeks jenayah negara. Sebagai contoh, menurut PDRM dalam GTP, 2011; 2012, jenayah curi motosikal menyumbang sebanyak RM180.9 juta, kereta sebanyak RM 444.9 juta dan van sebanyak RM270.4 juta. Menurut *United Nations International Crime Justice Institute* (UNICRI), 2005, jenayah keganasan hanya melibatkan 25-30 peratus di kebanyakan negara Dunia Ketiga dan sebahagian besar adalah melibatkan jenayah harta benda. Merujuk kepada statistik indeks jenayah negara pada keseluruhannya adalah membimbangkan dan menimbulkan reaksi pelbagai pihak kerana ianya bukan sekadar diunjurkan terus meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk (Sidhu, 2006:7), juga menjejaskan keamanan, keselamatan negara serta menjejaskan kualiti hidup, kerana aspek keselamatan merupakan salah satu indikator dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) rujuk IKHM, 2002;2004.

### **Kedudukan kejayaan Malaysia di persada global**

Komited kerajaan dan kepimpinan Malaysia dalam mengurangkan permasalahan pelakuan jenayah melalui pengenalan pelbagai dasar dan langkah sejak peringkat awal negara, membolehkan negara mendapat pengiktirafan daripada pelbagai badan antarabangsa atas usaha murni negara. Menurut kajian *International Criminal Police Organization* (Interpol), Malaysia mencatatkan kejayaan yang tinggi dalam menyelesaikan kes jenayah iaitu antara 30-35 peratus (2004), 48 peratus (2005) dan 50 peratus (2006) berbanding ketetapan Interpol hanya 19 atau 20 peratus. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF), PDRM merupakan antara pasukan polis terbaik dalam kalangan negara membangun di seluruh dunia (Berita Harian, 12 Februari 2008). Selain daripada itu, United Nations melaporkan Malaysia antara negara yang terselamat daripada 163 negara kajian pencegahan jenayah dan dadah pada tahun 2005-2007 (New Straits Times, 21 November 2010). Menurut laporan Projek Keadilan Dunia (*World Justice Project Rules of Law Index*), Malaysia merupakan negara paling selamat dalam kelompok 19 negara berpendapatan sederhana tinggi, iaitu selamat berbanding Amerika dan Britain (Berita Harian, 3 April 2012; Laporan Tahunan GTP, 2011). Menurut Indeks Keamanan Global atau *Global Peace Indeks* (GPI) pada 2011 yang dikeluarkan oleh *Institute Economic for Peace* (IEP) sebuah institut ekonomi yang berpusat di Sydney bagi mengukur keamanan antara negara dan wilayah dunia, menunjukkan bahawa Malaysia buat julung kalinya meraih gelaran “negara paling selamat” dan “paling aman” pada peringkat global daripada 153 negara (IEP, 2011). Dalam hal ini, Malaysia berada dalam rank Ke-19 paling selamat dan aman di dunia pada 2011 berbanding rank Ke-22 pada 2010. Selain daripada itu, Malaysia juga merupakan negara pertama paling selamat dan aman di rantau Asia Tenggara dan Ke-4 paling selamat di rantau Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia (Berita Harian, 3 April 2012; Laporan Tahunan GTP, 2011). Menurut laporan Forum Daya Saing Ekonomi Global atau *World Economic Forum* (WEF) 2011, juga meletakkan Malaysia pada rank Ke-63 berbanding Ke-93 pada tahun 2010 dan 2011 dalam aspek keselamatan dan keamanan (Berita Harian, 7 Mac 2012; 3 April 2012). Namun demikian, kedudukan negara jatuh ke tangga Ke-69 pada tahun 2012 (Laporan GTP 2012:59). Selain daripada itu juga, kajian persepsi tahap kepuasan rakyat Malaysia terhadap PDRM, 70.5 peratus masyarakat awam di Malaysia berpuashati dengan pencapaian PDRM pada Disember 2011 berbanding 56.6 peratus pada Januari 2011. Kajian pengurangan kebimbangan jenayah oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula, dapatan menunjukkan kebimbangan jenayah berkurangan 12 peratus, iaitu daripada 33 peratus pada tahun 2010 kepada 21 peratus pada tahun 2011 (GTP, 2011; Berita Harian, 3 April 2012). Penelitian prestasi kedudukan

kejayaan Malaysia di peringkat global ke atas aspek pelakuan jenayah, jelas menunjukkan Malaysia mencapai kejayaan yang membanggakan. Hal ini adalah atas komitmen dan inisiatif berterusan kepimpinan negara dalam mengurangkan jenayah walaupun ianya adalah mustahil untuk dibendung secara keseluruhannya. Justeru itu, bahagian seterusnya adalah mengetengahkan dasar atau pendekatan Malaysia mengurangkan pelakuan jenayah iaitu semenjak kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad sehingga kepimpinan Datuk Najib Tun Haji Abdul Razak.

## Dasar dan pendekatan Malaysia mengurangkan pelakuan jenayah

Penelitian dan perbincangan ke atas senario permasalahan jenayah di Malaysia dari segi trend adalah membimbangkan masyarakat secara keseluruhannya, sekaligus menjejaskan kualiti hidup penduduk (Mohd Reduan, 1990; Sidhu, 2005, 2006; Muzafar dan Eng, 2006; Muzafar dan Law, 2007; Baharom dan Muzafar, 2009; Muzafar dan Baharom, 2009; Tang, 2009; PDRM, 2004a; 2007a; 2008; Nor-Ina, 2006; Nor-Ina dan Norizan, 2007a; 2007b; 2008a; 2008b; 2009; 2010; IKHM, 2002; 2004:19-20). Dalam hal ini, segelintir masyarakat menuding jari kepada pihak berkuasa polis di atas kegagalan dan ketidakberkesanan pencegahan jenayah yang dilakukan. Menyedari kepada peningkatan trend pelakuan jenayah yang mengundang kewujudan permasalahan sosial dan melambangkan kepincangan negara, pihak kerajaan Malaysia komited dalam usaha mengurangkan pelakuan jenayah selari dengan pembangunan negara. Dalam hal ini, pelbagai dasar, usaha dan pendekatan dilakukan bagi menangani peningkatan pelakuan jenayah seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat secara keseluruhannya. Komited pihak kerajaan dalam hal ini diperlihatkan sejak pemerintahan mantan Perdana Menteri Ke-4 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Pendekatan awal beliau dalam mengurangkan pelakuan jenayah diperlihatkan dengan penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF) pada 1993. Penubuhan MCPF ini telah membolehkan negara terlibat secara langsung dalam forum berkaitan pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui *Asia Crime Prevention (ACPF)* di Shozuka, Jepun.

Selain daripada pendekatan pengenalan MCPF, usaha pihak kerajaan di bawah kepimpinan beliau terus dilakukan secara berterusan sehingga menjadikan pengurangan jenayah sebagai teras dan agenda dalam pembangunan negara iaitu dalam Rancangan Malaysia 5 Tahun selain peningkatan kualiti hidup (Malaysia, 1995; 1999; IKHM, 2004; Malaysia, 2006; Norhaslina, 2006; Jamaludin, 2007; Saifudin, 2010). Rancangan 5 tahun merupakan pelan struktur pembangunann negara yang dibentuk bagi setiap tempoh 5 tahun. Rancangan Malaysia Ke-7 (RMKe-7), merupakan Rancangan Malaysia pertama yang mula mengetengahkan aspek jenayah dalam pembangunan Negara (Malaysia, 1995:29-30). Agenda pengurangan jenayah ini mula diteruskan kepada RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10 (Malaysia, 2001:20; Malaysia, 2011). Dalam RMKe-9 (2006-2010) sebagai contoh, aspek pengurangan jenayah terkandung dalam Teras Ke-4 iaitu meningkatkan kemampunan kualiti hidup. Bagi tujuan ini, kerajaan memperuntukkan RM21.2 bilion untuk keselamatan dan RM4.9 bilion untuk PDRM. Kerajaan komited membelanjakan berbilion ringgit untuk memantapkan dan menyediakan kemudahan yang terbaik kepada pihak PDRM seperti membina kuarters dan balai polis (Malaysia, 2006). Dalam RMKe-10 (2011-2015), aspek pengurangan dan pencegahan jenayah dijelaskan dalam Bab 6 iaitu mewujudkan persekitaran ke arah meningkatkan kualiti hidup. Bab ini mengandungi 7 perkara dan aspek pengurangan jenayah dan masyarakat selamat antara aspek yang terkandung iaitu seperti berikut;

- i- Membangunkan kawasan kediaman berdaya maju dan menarik
- ii- Membangunkan sistem pengangkutan awam yang utamakan rakyat
- iii- Mentransformasi penjagaan kesihatan – kualiti hidup
- iv- Menyediakan akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik
- v- Menyedia utiliti dan perkhidmatan awam lebih cekap
- vi- Menjadikan jalan dan masyarakat lebih selamat
- vii- Menghargai khazanah alam sekitar

Agenda pengurangan jenayah tidak sahaja dilakukan semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad, usaha ini telah diteruskan oleh kepimpinan selepas beliau iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Ke-5. Semasa kepimpinan beliau, PDRM telah mengalami perubahan secara besar-besaran melalui penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM (SDPPP) pada tahun 2005. Objektif penubuhan SDPPP ialah (i) membantu pihak PDRM mengatasi permasalahan jenayah negara, (ii) panduan dalam etika perkhidmatan kepolisan, pengurusan dan mempertingkatkan kualiti dan mutu kerja PDRM dan anggota PDRM keseluruhannya dan, (iii) meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM. Pelbagai cadangan terkandung dalam SDPPP dan semenjak pengenalannya, hampir 85 peratus cadangan yang disyorkan dalam SDPPP telah dilaksanakan dalam usaha memperkemaskan organisasi PDRM (Berita Harian, 12 Februari 2008). Selain daripada itu, pada tahun 2007, Pelan Strategik 5 tahun (PS5T) PDRM (2007-2011) juga beliau lancarkan semasa sambutan Hari Polis Ke-200 pada tahun 2007. Pelan ini merangkumi rancangan meningkatkan kualiti perkhidmatan PDRM sebagai pasukan yang terbilang pada peringkat global (Berita Harian, 12 Februari 2008; Utusan Malaysia, 25 Mac 2009). Antara tujuan PS5T adalah seperti berikut;

- i- Menurunkan kadar jenayah
- ii- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai polis dalam melaksanakan tugas
- iii- Mewujudkan komuniti kepolisan
- iv- Menjalinkan kerjasama dengan masyarakat
- v- Meningkatkan logistik, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) agar polis dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

Dasar mengurangkan jenayah di negara ini jelas terpancar melalui komitmen yang ditunjukkan kerajaan semasa pembentangan Belanjawan 2008 yang diumumkan pada 7 September 2007. Dalam hal ini, kerajaan sekali lagi komited untuk membantu menangani, membanteras jenayah seterusnya menambahbaik prestasi PDRM dengan melaksanakan beberapa pendekatan iaitu seperti berikut;

- i- Memperuntukkan RM6 bilion
- ii- Membekalkan 200 unit kereta nasional dan 1600 komputer kepada pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat
- iii- Menambahkan pengambilan 60, 000 anggota baru dalam tempoh 5 tahun akan datang
- iv- Membekalkan 2000 unit kereta nasional dan 1600 komputer kepada pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat
- v- Membekalkan 1900 motosikal untuk meningkatkan aktiviti pengawasan dan rondaan
- vi- Memasang lebih banyak kamera litar tertutup (CCTV) yang dihubungkan ke pusat kawalan
- vii- Menyokong usaha sektor swasta mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan mereka dengan mempercepatkan elaun modal yang mana ianya boleh dituntut selepas setahun ke atas pembelian alat kawalan dan keselamatan (Sinar Harian, 8 september 2007; Berita Harian, 8 September 2007; Berita Harian, 12 Februari, 2008).

Selain daripada pendekatan-pendekatan di atas, Perdana Menteri Ke-5 juga telah mengumumkan 6 pendekatan baru dalam membanteras jenayah semasa lawatannya ke PDRM Bukit Aman pada Januari 2008. Antara yang diumumkan beliau ialah;

- i- Mewajibkan pemilik atau penyewa bangunan memasang CCTV. Peruntukan khas sebanyak RM75 juta untuk memasang kemudahan tersebut di beberapa kawasan strategik di seluruh negara.
- ii- Menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada pegawai dan anggota polis yang mempunyai rekod perkhidmatan baik yang akan bersara dengan tangga gaji yang dinikmati ketika dalam pekerjaan.
- iii- Menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada pegawai dan anggota yang telah bersara dengan jawatan terakhir dipegang.

- iv- Mengambil lebih ramai orang awam untuk memenuhi jawatan seperti perkeranian, perhubungan awam dan sumber manusia agar anggota polis dapat menumpukan tugas kepolisan.
- v- Menambah pusat latihan polis.
- vi- Menyarankan pemaju perumahan menyediakan beberapa pintu rumah kedai berderet untuk dijadikan balai polis (Berita Harian, 12 Februari 2008).

Selepas tiga minggu lawatan rasmi Perdana Menteri Ke-5 ke PDRM Bukit Aman, Ketua Polis Negara (KPN) ketika itu iaitu Tan Sri Musa Hassan telah mengambil beberapa pendekatan yang dilaksanakan secara bersepadu bagi membanteras jenayah iaitu;

- i- Pengambilan 3000 pegawai dan anggota bersara secara kontrak bermula pada Mac 2008. Fasa pertama membabitkan pengambilan 400 pesara atau yang akan bersara sehingga akhir Jun.
- ii- Pembukaan 107 balai polis baru yang dinamakan sebagai Balai Polis Pengoperasian (BPP). Fasa pertama membabitkan 60 buah balai iaitu di Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Kuala Lumpur. Baki 47 buah balai polis lagi dibuka secara berperingkat mulai 15 Mac dan 15 April 2008. Balai polis ini beroperasi di rumah kedai atau komersial dan diketuai oleh seorang Sarjan, seorang Koperal, 6 orang Lans Koperal/Konstabel.
- iii- Membuka 55 pondok komuniti polis. Pondok polis ini diberi tumpuan ke atas empat negeri seperti Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur. Pondok komuniti ini beroperasi di taman perumahan yang disewa. Pondok komuniti ini diketuai oleh 2 orang Lans Koperal/Konstabel dan beroperasi 24 jam untuk membolehkan penerimaan laporan atau aduan daripada orang awam. Bagi konteks ini, anggota keluarga petugas juga tinggal bersama di kawasan operasi. Pembukaan balai polis dan pondok komuniti adalah bertujuan merapatkan hubungan polis dengan masyarakat, masyarakat merasai dan melihat kehadiran polis di persekitaran mereka dan secara psikologinya juga adalah bagi mewujudkan perasaan takut dalam kalangan pelaku jenayah.
- iv- Mengambil 500 pegawai dan anggota polis bersara secara kontrak sebagai pensyarah/tenaga pengajar di Maktab PDRM di Kuala Lumpur dan 13 pusat latihan polis di seluruh negara.
- v- Mengecilkan pentadbiran Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) yang terlalu luas kawasan pentadbirannya agar tugas membanteras jenayah di sesuatu kawasan dapat dilakukan dengan lebih mudah dan berkesan.
- vi- Membahagikan semua balai polis di bandar utama kepada empat kategori agar nisbah seorang anggota polis bagi 250 orang penduduk. Pengkategorian tersebut meliputi Kategori A seramai 250 orang anggota, kategori B seramai orang 200 anggota, dan kategori C dan D masing-masing seramai 160 orang dan 60 orang anggota.
- vii- Menggunakan pusat latihan awam bagi melatih dan merekrut anggota baru agar pengambilan dapat ditingkatkan kepada 7000 orang setahun berbanding hanya 3000 anggota setahun ketika ini (Berita Harian, 12 Februari 2008).

Merujuk kepada dasar-dasar serta pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi, jelas bahawa keduanya komited dalam mengurangkan permasalahan pelakuan jenayah negara dari peringkat awal. Justeru itu, dasar dan pendekatan ini dilakukan secara berterusan sehingga kepada kepimpinan Perdana Menteri Ke-6 iaitu Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak. Walaupun pelbagai pendekatan dilakukan kerajaan dalam menangani masalah jenayah di peringkat awal, namun masih kurang berkesan dalam mengurangkan jenayah sehingga aspek jenayah antara bidang keutamaan dalam pembentukan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA) di bawah pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP) (PEMANDU, 2012). Melalui pelaksanaan NKRA dalam mengurangkan jenayah iaitu pada akhir tahun 2009, kadar jenayah di seluruh negara menunjukkan penurunan mendadak bagi tempoh pelaksanaannya. Kejayaan terbesar dalam pengurangan jenayah dibuktikan melalui pengurangan sebanyak 15 peratus bagi indeks jenayah dan 35

peratus jenayah jalanan iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2010 iaitu masing-masing sebanyak 5 peratus dan 20 peratus. Pada tahun 2009, sebanyak 209, 817 kes indeks jenayah dicatatkan dan berkurangan kepada 177,520 kes pada tahun 2010 dengan kadar pengurangan sebanyak 32, 297 kes atau 15 peratus. Jenayah jalanan pula mengalami penurunan sebanyak 35 peratus bagi tempoh yang sama, iaitu pada 2009 sebanyak 38,030 kes jenayah jalanan dicatatkan telah berkurangan kepada 24, 837 kes dengan kadar pengurangan kes sebanyak 13,193 kes (KDN, 2011; GTP, 2011). Sebagai pengukur kepada laporan kejayaan NKRA, Sesi Panel Penilai *Antarabangsa (Reducing Crime International Panel Review Session)* telah dianjurkan di negara ini. Melalui maklum balas yang diterima, pihak panel luar kagum dengan pendekatan dilakukan negara terutamanya Program *Omnipresence* (meningkatkan kehadiran polis), Program Bandar Selamat dan Kepolisan Masyarakat (*Community Policing*) adalah sesuatu yang tepat dan signifikan dalam mengurangkan jenayah. Jawatankuasa Penilaian Antarabangsa atau *International Panel Review (IPR)* yang dilantik berhubung pencapaian GTP 2011, menjelaskan bahawa kadar jenayah nyata telah berkurang dengan ketara dan terus berkurang serta mengakui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* telah membolehkan Malaysia mencapai hasil yang membanggakan dalam mengurangkan jenayah dengan ketara pada kadar 15 peratus dan 11 peratus dalam tempoh pelaksanaan NKRA (KDN, 2012b).

Selain daripada itu, dasar pengurangan jenayah juga turut diberi penekanan dalam Belanjawan 2013 yang diumumkan pada 28 September 2012. Belanjawan ini juga memberi penekanan kepada aspek mengurangkan kadar jenayah bagi mewujudkan kejiranan yang selamat (Berita Harian; New Straits Times; Daily Ekspres, 29 September 2012). Bagi tujuan ini, sebanyak RM591 juta diperuntukkan melalui pelaksanaan 4 pendekatan seperti berikut;

- i- Menambah bilangan perjawatan Polis dan menambah ahli anggota pasukan sukarelawan polis sebanyak 10,000 orang bagi membolehkan polis melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah
- ii- Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dengan memperuntukkan sebanyak 1,000 buah motosikal disalurkan bagi menjalankan rondaan di kawasan perumahan
- iii- Pemasangan sebanyak 496 unit Alat Kawalan Keselamatan CCTV di kawasan PBT dengan mengurangkan intensif cukai bagi pemasangan alat keselamatan tersebut
- iv- Peruntukan RM 40 juta bagi rondaan di kawasan kejiranan. Geran RM10,000 juga diberikan kepada 4, 025 persatuan penduduk berdaftar.

Menurut Naib Pengerusi MCPF, Tan Sri Lee Lam Thye, keempat-empat pendekatan yang dilaksanakan kerajaan dalam mengurangkan jenayah di negara ini akan meningkatkan imej dan usaha polis bagi menangani jenayah (New Straits Times, 29 September 2012). Selain daripada itu, meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam melalui pengurangan jenayah juga telah menjadi agenda dalam manifesto pilihanraya (PRU-13) di negara ini yang lebih dikenali sebagai 'Aku Janji'. Hal ini kerana peningkatan kesedaran kesan daripada isu pencerobohan sehingga aspek keselamatan diberi penekanan. Antara yang diberi penekanan dalam tempoh 5 tahun selepas kemenangan kerajaan pimpinan Barisan Nasional adalah seperti berikut;

- i- Meningkatkan jumlah tenaga kerja PDRM dengan tambahan 4,000 anggota polis pada setiap tahun
- ii- Memasang lampu di jalan-jalan, lorong-lorong dan laluan bagi mengurangkan jenayah jalanan
- iii- Mengukuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM dengan menambah 5000 buah kenderaan tambahan
- iv- Menambah baik kebajikan, profesionalisme dan keupayan Polis, angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- v- Meningkatkan keupayaan keseluruhan ATM bagi menangani apa jua pencerobohan dan ancaman luar
- vi- Mempertahankan dan memperkuat Suruhanjaya Polis
- vii- Menggunakan Sistem 6P untuk mengekang pendatang asing tanpa izin

- viii- Mewujudkan Program SafeCam untuk menghubungkan sistem CCTV swasta dengan awam
- ix- Mengembangkan secara meluas penggunaan CCTV bagi memantau kawasan laluan awam yang sibuk seperti tempat letak kereta, kawasan riadah, pasar malam dan sekolah
- x- Memperkenalkan inisiatif keselamatan di kawasan skim perumahan awam
- xi- Pengambilan tambahan 5000 anggota Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis untuk membantu PDRM membuat rondaan dan menjadikan persekitaran lebih selamat (Buku Manifesto BN, 2013- Rakyat didahulukan: Menepati Janji Membawa Harapan)

Dalam keghairahan negara melaksanakan dasar dan pendekatan bagi memacu pertumbuhan sosio-ekonomi dan politik negara, negara telah dikejutkan dengan isu pencerobohan di Lahad Datu Sabah pada 12 Februari 2013. Pencerobohan ini bukan sekadar menggugat kestabilan politik negara, juga menjejaskan keharmonian hubungan diplomatik antara negara Filipina dan Malaysia, seterusnya menggemparkan seluruh rakyat Malaysia yang mana telah mengorbankan anggota polis dan tentera Malaysia. Isu pencerobohan ini telah menjadi ikhtibar kepada negara dalam usaha memperkukuhkan keselamatan sempadan negara khususnya di Sabah. Lantaran daripada peristiwa ini, kepimpinan negara di bawah Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan Kawasan Keselamatan Khas (SSA) yang kemudiannya dinamakan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) ditubuhkan dan diumumkan pada 7 Mac 2013. Kawasan ini merangkumi daerah seperti Kudat, Tawau, Kunak, Sandakan dan Lahad Datu. Pengwujudan kawasan ini adalah bertujuan meningkatkan keselamatan negeri Sabah. Penubuhan kawasan ini merupakan penyelarasan kerjasama antara tiga komponen, iaitu penduduk setempat, pasukan tentera dan pihak polis bagi membanteras ancaman penganas. Serentak dengan pelaksanaan ESSCOM, 3 pusat pemeriksaan Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) diwujudkan dan akan beroperasi di kawasan ESSCOM iaitu di Kudat, Lahad Datu dan Pos Kawalan Imigresen Bersepadu Kerakit Pulau Banggi (Harian Metro, 26 Mac 2013; Utusan Borneo, 11 April, 2013; Utusan Malaysia, 4 April 2013).

Selain menubuhkan ESSCOM, kepimpinan negara juga mewujudkan Zon Selamat Sabah Timur atau *Eastern Sabah Safety Zone* (ESSZONE) yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa sambutan Hari Polis Ke-206 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962. Peraturan-peraturan yang diwujudkan di bawah ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962, tidak memberikan sebarang kuasa tambahan kepada pihak polis. Kuasa polis sedia ada sudah mencukupi untuk menangani permasalahan yang ada. Penubuhan ESSZONE berkuatkuasa pada 25 Mac 2013 yang meliputi 10 daerah di Sabah iaitu daerah Kudat, Pitas, Kota Marudu, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna, Tawau. ESSZONE ditadbir oleh Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur yang ditubuhkan menurut Peraturan Keselamatan Awam 2013. Jawatankuasa ini dipengerusikan Ketua Menteri Sabah dan dibantu seorang Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*) serta anggota lain. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Jawatankuasa pemantau yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak. Pegawai Eksekutif yang dilantik merupakan seorang pegawai awam yang bertanggungjawab menyelaras, mengawak selia fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan yang berkaitan dengan ESSZONE. Terdapat 5 batalion pasukan keselamatan ditempatkan di ESSZONE termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan penambahan 1 briged Pasukan Gerakan AM Polis (PGA). Pengisytiharan ESSZONE bukannya pengisytiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Penubuhan ESSZONE merupakan pendekatan holistik dan bukan pendekatan ketenteraan semata-mata yang. Antara objektif penubuhan ESSZONE adalah seperti berikut;

- i- Memberi asas perundangan kepada Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)
- ii- Memelihara hak demokratik dan proses demokrasi penduduk Sabah serta mengukuhkan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan di kawasan Timur Sabah.
- iii- Meningkatkan tahap keselamatan di Sabah- bagi memastikan tidak ada pihak mengambil kesempatan terhadap kemelut di Lahad Datu (Harian Metro, 26 Mac 2013; Buku Hari Polis Ke-206, 2013).



## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dan tinjauan ke atas dasar mengurangkan permasalahan pelakuan jenayah di Malaysia, jelas ditunjukkan bahawa pemimpin Malaysia komited dalam mengurangkan jenayah. Ketiga-tiga tokoh kepimpinan yang menerajui negara mempunyai matlamat sama membawa negara ke arah negara maju dan terbilang di persada dunia walaupun dalam era kepimpinan dan pendekatan yang berbeza. Pendekatan Tun Dr Mahathir Mohamad dapat dianggap sebagai batu asas dalam dasar pengurangan jenayah di Malaysia di peringkat global, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai pemimpin yang memperkasa PDRM bagi membolehkan keselamatan rakyat dan negara terus utuh dan Datuk Najib Tun Haji Abdul Razak berperanan bagi memperkukuh dan mentransformasikan agenda aspek keselamatan negara ke arah yang lebih dinamik dan inklusif. Kegigihan dan komitmen kepimpinan negara dan kerajaan mengurangkan pelakuan jenayah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak dan agensi samada dalam dan luar negara dan merupakan petunjuk kepada kejayaan dan keberkesanan dasar atau pendekatan yang dilakukan negara. Kejayaan pengurangan jenayah ini dapat menjana kepada pertumbuhan dan pembangunan sosio-ekonomi ke arah negara yang lebih kompetatif dalam persaingan ekonomi global.

## Rujukan

- Baharom AH, Muzafar Shah H (2009) Crime and income inequality: The case of Malaysia. *Journal of Politics and Law* 2 (1), 55-70.
- Belinda Yuen (2004) Safety and dwelling in Singapore. *Cities* 21(1), 19-28.
- Berita Harian, 13 Januari 2004.
- Berita Harian, 12 Februari 2008.
- Berita Harian, 7 Mac 2012.
- Berita Harian, 3 April 2012.
- Daily Ekspres, 29 September 2012.
- Gold H (2002) *Urban life and society*. Prentice Hall, New Jersey.
- Harian Metro, 9 November 2006.
- Harian Metro, 26 Mac 2013.
- Institute for Economics and Peace (IEP) (2011) [Cited 2 Ogos 2011]. Available from: [http://en.wikipedia.org/wiki/Global\\_Peace\\_Index](http://en.wikipedia.org/wiki/Global_Peace_Index).
- Jamaludin M (2007) Aspek keselamatan awam dalam pembentukan Bandar Selamat di Malaysia: Kajian kes Alor Star Kedah (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Knox PL (1994) *Urbanization an introduction to Urban Geography*. Prentice Hall, New Jersey.
- Laporan Tahunan GTP (2011) Jabatan perdana menteri [Cited 7 September 2012]. Available from: [http://blis.bernama.com\\_DisplayFileServlet\\_path=6\\_7839.pdf](http://blis.bernama.com_DisplayFileServlet_path=6_7839.pdf).
- Malaysia (1995) *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_ (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_ (2011) *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015*. Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur. [Cited 6 June 2012]. Available from: [http://blis.bernama.com\\_DisplayFileServlet\\_path=6\\_7783.pdf](http://blis.bernama.com_DisplayFileServlet_path=6_7783.pdf).
- Malaysia (2012a) Jabatan Penerangan Malaysia [Cited 7 September 2012]. Available from: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/466-pengenalan-nkra/4808-pointers-6-bidang-keberhasilan-utama-negara-nkra.html>.
- Malaysia (2012b) Jabatan Penerangan Malaysia [Cited 7 September 2012]. Available from: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/457.html>.
- Malaysia (2013) Buku Manifesto BN, 2013- Rakyat didahulukan: Menepati janji membawa harapan.
- Mays JB (1968) Crime and urban pattern. *Sociological Review* 16, 241-255.
- McIlwaine C (1999) Geography and Development: Violence and Crime as Development Issues. *Progress in Human Geography* 23 (3), 453-463.

- Mohd Reduan A (1990) *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. AMK Interaksi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Muzafar Shah H, Eng YK (2006) Crime and the Underground Economy in Malaysia: Are they related? *The Journal of Global Business* 2 (1), 138-154.
- Muzafar Shah H, Law SH (2007) Crime and Financial Economic Variables in Malaysia: Evidence From a Vector Error Correction Model. *Journal of Social and Economic Policy* 4 (2), 263-276.
- Muzafar Shah H, Baharom AH (2009) Crime And Economic Conditions in Malaysia: An ARDL Bounds Testing Approach. *Journal of Social Economic* 36 (11), 1071-1081.
- New Straits Times, 21 November 2010.
- Norhaslina H (2006) *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia: Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor-Ina K (2006) *Pelakuan Jenayah dan Kaitannya dengan Kepesatan Perbandaran: Satu Kajian Kes di Negeri Pulau Pinang (Tesis Sarjana)*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2007a) *Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian Kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. Dibentangkan di Persidangan Geografi 2007 Universiti Malaya, "Memperkasakan Geografi di Malaysia: Isu dan Cabaran, Anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Hotel Armada, Petaling Jaya Kuala Lumpur, 21-22 Ogos 2007.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2007b) *Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Geografi 2007 Universiti Perguruan Sultan Idris, "Dunia Tanpa Sempadan", Anjuran Jabatan Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 10-11 September 2007.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2008a) *Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. In: Hamirdin L, Amer SG, Abdul Rahman R, Rosmadi F (eds) *Isu-isu Geografi Malaysia*, pp. 214-233. Jabatan Geografi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2008b) *Property Crime in Penang Island: A Case Study of Timur Laut Districts*. International Conference on Social, Development and Environmental Studies "Global Change and Transforming Spaces", Organised by School of Social, Development and Environmental Studies (PPSPP), Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Danau Golf Club UKM, Bangi, 18-19 November 2008.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2009) *Pelakuan Jenayah Harta Benda di Daerah Timur Laut Pulau Pinang: Trend dan Punca*. In: Mohd Fauzi Y (ed) *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*, pp.131-147. Arah Publication, Selangor Darul Ehsan.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2010a) *Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. In: Yazid S, Fauziah CL, Mazdi M (eds) *Isu-isu Semasa Alam Sekitar Manusia di Malaysia*, pp.43-60. UPSI, Perak Darul Rizduan.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2010b) *Pelakuan Jenayah: Satu Tinjauan Pengalaman Masyarakat Daerah Timur Laut, Pulau Pinang*. *Jurnal "Manusia dan Masyarakat, Edisi 17 (2009/2010)*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nor-Ina K, Norizan MN (2009) *Perbandaran dan Kebimbangan Terhadap Pelakuan di Pulau Pinang. Satu Tinjauan Awal*. Dibentangkan di International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH09). "The Progressive Impact of Research in Social Sciences and Humanities: Towards The Regeneration of Knowledge ", Organised by Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-3 December 2009.
- New Straits Times, 29 September 2012.
- Pallen JJ (2002) *The Urban World, 6<sup>th</sup> Ed*. McGraw Hill, New York.
- Pokhariyal GP, Muthuri Rose K (2003) Strategic Measures to Curb Crime Rates in Nairobi. *International Journal on World Peace* XX (1), 55-69.
- Polis Diraja Malaysia (2004a) *Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Pulau Pinang*.

- Polis Diraja Malaysia (2004b) Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang.
- Polis Diraja Malaysia (2005) Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Kuala Lumpur.
- Polis Diraja Malaysia (2007a) Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Kontinjen Negeri Pulau Pinang.
- Polis Diraja Malaysia (2007b) Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang.
- Polis Diraja Malaysia (2008a) Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Kontinjen Negeri Pulau Pinang.
- Polis Diraja Malaysia (2008b) Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Balik Pulau Daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang.
- PEMANDU (2012) Laporan tahunan [Cited 18 Julai 2014]. Available from: [http://www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2011/pdf/pemandu\\_laporan\\_tahunan2011\\_ringkasan\\_eksekutif.pdf](http://www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2011/pdf/pemandu_laporan_tahunan2011_ringkasan_eksekutif.pdf).
- Polis Diraja Malaysia (2013) Ucapan YAB Perdana Menteri Sempena Hari Polis Ke-206, 2013.
- Rogers J (1989) Theories of Crime and Development: An Historical Perspective. *Journal Development Studies* 3, 314-328.
- Shelley LI (1981) *Crime and Modernization: The Impact of Industrialization and Urbanization on Crime*. Southern Illinois University Press, United States.
- Sidhu AS (2005) The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College* 4, 1-28.
- \_\_\_\_\_(2006) Crime Levels and Trends in the Next Decade. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College* 5, 1-13
- Sinar Harian , 8 September 2007.
- Saifuddin A (2010) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) [29 Oktober 2010] Available from: [http://www.saifuddinabdullah.com.my/images\\_articles/buku\\_TKRA-1.pdf](http://www.saifuddinabdullah.com.my/images_articles/buku_TKRA-1.pdf)
- Tang CF (2009) The Linkages among Inflation, Unemployment and Crime Rates in Malaysia. *International Journal of Economic and Management* 3 (1), 50-61.
- United Nations (1999a) World urbanization prospects: The revision 1999 [Cited 8 Mei 2004]. Available from: [http://www.geog.ouc.bc.ca/conted/onlinescourses/geog\\_210/210\\_10\\_1.html](http://www.geog.ouc.bc.ca/conted/onlinescourses/geog_210/210_10_1.html).
- United Nation (1999b) Department of economic and social affairs population division: World urbanization prospects: The revision 1999. [Cited 8 Mei 2004]. Available from: <http://www.un.org/esa/population/publications/wup1999/wup1999.htm>.
- Utusan Malaysia, 19 Januari 2001.
- Unit Perancang Ekonomi (2002) Indeks Kualiti Hidup Malaysia 2002 [Cited 29 April 2004]. Available from: <http://www.epu.jpm.my/BI/publi/mqli2002/sec2.pdf>.
- Utusan Malaysia, 4 April 2013.
- Utusan Borneo, 11 April 2013.
- Walmsley DJ (1988) *Urban living: The individual in the city*. Longman Scientific and Technical, United Kingdom.